

MINI-GUAN MALAYSIA AHAD 10 JULAI, 2005



MEMANDU juga menjadi salah satu hobi Dr. Mahathir. Gambar imbas kembali menunjukkan Dr. Mahathir diberi penerangan cara memandu go-kart.



DR. MAHATHIR Mohamad diiringi Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada majlis hari lahir Dr. Mahathir di Hotel JW Marriott, Kuala Lumpur yang diadakan pada 6 Julai lalu.



Selamat hari lahir Tun Mahathir

Oleh HASSAN MOHD. NOOR

MM-10/7/2005

HARI ini 10 Julai, Tun Dr. Mahathir Mohamad mencapai usia 80 tahun. Dalam usia tersebut, bagi kebanyakan orang, kehidupan mereka tidaklah seceria 40 tahun sebelumnya. Namun bagi Dr. Mahathir, beliau tetap kelihatan cergas dan bertenaga seperti biasa. Selepas bersara daripada jawatan Perdana Menteri yang disandangnya selama 22 tahun pada 31 Oktober 2003, beliau masih mampu ke sana sini seperti sebelumnya. Malahan menurut beberapa orang pegawai beliau yang berkhidmat dari dulu sehingga sekarang, rentak bos mereka itu tidak banyak berubah.

Walaupun bersara daripada jawatan dalam kerajaan dan politik tetapi Dr. Mahathir tidak bersara daripada memegang pelbagai jawatan lain. Antaranya sebagai Penasihat Lembaga Kemajuan Langkawi (Lada), Penasihat Petrolia Nasional Berhad (Petronas), Penasihat Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (Proton) dan Canselor Universiti Teknologi Petronas.

Dengan pelbagai jawatan, rutin harian Dr. Mahathir tidak banyak berubah seperti yang dialami semasa menjadi Perdana Menteri. Jika kakitangan kerajaan bekerja enam hari seminggu, beliau juga akan berbuat begitu. Beliau akan bercuti pada hari Sabtu pertama dan ke tiga. Dan pada hari-hari tersebut beliau tetap 'sibuk'.



DR. MAHATHIR beriadah menunggang kuda di pesisir pantai.

pagi hingga 8.30 pagi. Selepas itu beliau akan berbual-bual dengan penunggang-penunggang lain sehingga pukul 9 pagi. Kemudian jika ada kelapangan, beliau akan melawat atau berjalan-jalan di kawasan pilihannya.

Ditanya, bagaimana beliau melihat kesibukan dan kecergasan Dr. Mahathir semasa dan selepas menjadi Perdana Menteri, Ismail mengakui aktiviti sukan berkuda seperti menjadi satu kewajipan yang tidak akan ditinggalkan.

"Dari dulu hingga sekarang, beliau aktif menunggang kuda," kata Ismail yang ternyata kagum dengan keupayaan Dr. Mahathir yang sudah menjangkau usia 80 tahun itu.

Apakah rahsia Dr. Mahathir mempertahankan staminanya?

Jawapannya bukan rahsia lagi. Beliau pernah memberitahu sebelum ini mengenai pesan ibunya: "Bila makan tengah sedap, masa itu berhenti."

Dr. Mahathir mengakui kepentingan kesederhanaan dalam semua perkara. Begitu juga dengan makan. Baginya bukan makan untuk kenyang atau sehingga perut menjadi besar.

"Saya makan setakat nak rasa sedap," kata Dr. Mahathir dalam satu temu bual tidak lama dulu. Dalam soal makan, tidak ada pantang baginya. Tetapi beliau tidak makan kari kepala ikan kecuali sushi, ikan bilis dan sardin. Begitu juga dengan tidur. Beliau akan tidur enam jam - bermula pukul 12 malam dan akan bangun sebelum pukul 6 pagi.

Apa ubat yang Dr. Mahathir makan? Semasa menjawab satu soalan dalam pertemuan dengan pelajar-pelajar Malaysia di Bandung, Indonesia pada Februari tahun lalu, Dr. Mahathir menjelaskan bahawa beliau tidak

Jika dulu Dr. Mahathir banyak menghabiskan masa di dalam negara tetapi selepas bersara, beliau memenuhi jemputan yang datang dari luar negara. Beliau diundang untuk berucap dalam pelbagai majlis yang dianjurkan oleh pelbagai pihak.

"Hampir setiap bulan beliau akan ke luar negara memenuhi pelbagai jemputan," kata pembantu khas beliau di Petronas, Sufi Yusuf.

Menurut Sufi, kebanyakan undangan dari luar negara meminta bekas Perdana Menteri itu memberi ucapan dalam pelbagai isu termasuk pengalaman memimpin dan membangunkan Malaysia, bagaimana menghadapi masalah ekonomi, menjaga keharmonian penduduk pelbagai kaum dan isu-isu berkaitan dengan Islam.

Bercakap mengenai rutin harian, Sufi yang sebelum ini menjadi setiausaha akhbar Dr. Mahathir (semasa menjadi Perdana Menteri) mengakui bosnya memang tidak pernah habis dengan kerja.

Pada hari-hari biasa, ada saja orang yang akan menemui Dr. Mahathir. Biasanya dalam seminggu empat hari - Isnin hingga Khamis

diperuntukkan untuk perjumpaan tersebut. Orang datang berjumpanya untuk pelbagai urusan. Pada sebelah pagi biasanya empat orang dan pada sebelah petang pula, mungkin dua orang.

"Jika tidak ada sebarang pertemuan, beliau biasanya akan menulis ucapan atau menyiapkan memoirnya," kata Sufi.

Pada hari Jumaat, jika ada perkara terdesak, beliau masih bersedia menerima tetamu di pejabatnya.

Mengenai pembahagian tugas, pada kebiasaannya, Dr. Mahathir akan ke pejabat Petronas di KLCC sebanyak dua kali seminggu manakala tiga hari lagi akan berada di Yayasan Kepimpinan Perdana di Putrajaya. Komitmen di Proton pula sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan. Begitu juga beliau akan turun ke Langkawi setiap bulan untuk meninjau kemajuan pulau legenda itu.

Dr. Mahathir akan berada di pejabat selewat-lewatnya pada pukul 9 pagi dan akan pulang ke rumah paling awal 5 petang atau selewat-lewatnya pukul 6.30 petang.

Pada sebelah malam juga, beliau mempunyai banyak undangan bagi menghadiri majlis-majlis tertentu. Boleh dikatakan, diari hariannya sentiasa penuh.

"Kerja hariannya memang tidak pernah habis, staminanya tidak pernah menurun," kata Sufi.

Bagi Sufi pengalaman beliau bersama Dr. Mahathir dahulu dan sekarang adalah lebih kurang sama saja. Cuma Dr. Mahathir ada sedikit masa berbanding tanggungjawab sebagai pemimpin negara.

Masa-masa terluang, Dr. Mahathir akan mengunjungi kedai buku seperti Borders di Berjaya Times Square atau minum kopi di Dome KLCC.

Itu tugas harian pada hari-hari bekerja. Bagaimanapun pula dengan hari Ahad?

Semua orang tahu hobi Dr. Mahathir antara lain ialah menunggang kuda, memandu, belayar dan membaca buku.

Dan menunggang kuda sudah menjadi satu kemestian pada setiap hari Ahad. Kadang-kadang pada hari Sabtu atau pada hari cuti

umum. Biasanya kawasan menunggang kuda itu ialah di sekitar Serdang atau Bukit Kiara.

Sebut soal menunggang kuda, tentunya ramai yang masih ingat bagaimana kenyataan Dr. Mahathir pada awal tahun 2000 semasa beliau berada di Argentina. Ketika itu timbul khabar angin mengenai Dr. Mahathir terjatuh dari kuda. Memang benar Dr. Mahathir pernah jatuh kuda sebanyak tiga kali tetapi bukan di Argentina. Orang yang jatuh ketika itu ialah anggota polis yang mengiringinya.

Sebaliknya apa yang berlaku di Argentina di sebalik khabar angin itu ialah Dr. Mahathir menunggang kuda sejauh 30 kilometer sehari malah menyeberangi sungai menggunakan kuda. Dan pada hari ini Dr. Mahathir masih cergas dan tangkas menunggang kuda.

Perkara ini diakui sendiri oleh pengawal peribadinya, Ismail Manaf, 59.

"Saya lihat sekarang Dr. Mahathir lebih hebat menunggang kuda." Itulah pengakuan Ismail.

Dr. Mahathir akan menunggang kuda selama satu jam, biasanya antara pukul 7 atau 7.30

memakan ubat berharga RM5,000 sehari untuk kelihatan muda atau untuk mengekalkan kesihatan serta kecergasan. Kalau itu yang dibelanjakan, beliau boleh bankrap dalam masa dua hari. Sebaliknya menurut Dr. Mahathir, petua beliau tetap cergas, sihat dan kelihatan muda ialah mengamalkan cara hidup sihat dan serba sederhana dalam semua aspek.

"Apa juga yang dilakukan mesti sederhana, makan dan sebagainya. Tidak mudah marah kerana ia akan menyebabkan tekanan darah naik. Seperti pesan emak saya, kalau sedang sedap makan, berhenti," katanya.

Begitulah Dr. Mahathir, dari dulu hingga sekarang tetap menjaga kesihatannya dengan 'bekerja' dan menunggang kuda. Jika beliau pernah menasihati orang yang bersara supaya jangan berhenti kerja kini beliau melakukannya. Ternyata kerja bukan sesuatu yang membebankan bagi orang yang bersara seperti Dr. Mahathir. Malahan beliau tetap ceria, cergas dan bertenaga. Semoga kesihatan bekas Perdana Menteri akan berpanjangan. Selamat hari lahir Tun!